

PRODUCT DISCLOSURE SHEET

TAKAFUL IKHLAS GENERAL BERHAD

(Read this Product Disclosure Sheet before you decide to participate in the **IKHLAS** Group Personal Accident Takaful (Long Term). Be sure to also read the general terms and conditions.)

(Licensed under Islamic Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia)

Date :

1) What is this product about?

This Takaful Certificate provides compensation in the event of injuries, permanent disablement or death caused solely by violent, accidental, external and visible events during the period of Takaful. The disaster must be solely caused by ACCIDENT, subject to the exclusions.

The duration of cover is five (5) years.

2) What are the Shariah concepts applicable?

Tabarru'	Shall mean donation for the purpose of solidarity and cooperation among the Takaful Participants and to be used to help Takaful Participants in times of misfortune. In the context of the Company, Tabarru' will be allocated into the Risk Fund.
Wakalah	Refers to a contract where a party, as principal (<i>muwakkil</i>) authorizes another party as his agent (<i>wakil</i>) to perform a particular task on matters that may be delegated, with or without imposition of a fee. In the context of the Company, we are appointed as an agent (<i>wakil</i>) to carry out the Takaful Business and a Wakalah fee (<i>Ujrah</i>) to be paid to the Company.

Note: "the Company" refers to Takaful Ikhlas General Berhad. Please refer to the Takaful Certificate for more information.

3) What are the Takaful covers / benefits provided?

Takaful Benefits	Sum Covered (RM)
Accidental death	50,000
Accidental permanent disablement	Up to 50,000
Funeral expense	1,000
Medical expenses (annual limit)	2,000
Ambulance Fee (annual Limit)	1,000
Inconvenience allowance due to snatch theft (annual limit)	1,000
Badal Hajj	5,000
Mobility expenses (annual limit)	1,000

Below are the description of the above benefits covered:

Benefits	Description
Accidental Death	Death of the Person Covered due to solely and directly from accidental external violent and visible means (including as the direct result of exposure to the elements) and does not include sickness, disease, parasite, bacterial or viral infection or any naturally occurring condition or degenerative process; within twelve (12) calendar months of the event.
Accidental Permanent Disablement	Permanent disablement of the Person Covered due to solely and directly from accidental external violent and visible means (including as the direct result of exposure to the elements) and does not include sickness, disease, parasite, bacterial or viral infection or any naturally occurring condition or degenerative process; within twelve (12) calendar months of the event.
Funeral Expenses	A lump sum amount is payable for funeral expenses in the event of an Accidental death of the Person Covered.
Medical Expenses	A reimbursement of actual medical expenses incurred for treatment of a Bodily Injury due to an Accident up to the specified amount as stated above (maximum and in aggregate).

Ambulance Fee	A reimbursement of the actual fee of ambulance services, up to an amount as stated above, will be payable in the event of an Accident.
Snatch Theft	<p>A snatch theft means loss of wallet, purse or other bags in the possession of the Person Covered together with the contents therein or loss of any valuables worn by the Person Covered, at the material time, as a result of the same being snatched away by an unknown person including attempt thereof.</p> <p>In the event of a snatch theft, a lump sum amount as described above is payable to the Person Covered, provided always that a police report of the event is submitted to the Company.</p>
Badal Hajj	In the event of the death of Person Covered, the nominee / next of kin is encourage to use this benefit to pay for Badal Hajj on behalf of the Person Covered. For non – muslim, this benefit shall be payable as an additional to the existing funeral expense benefit.
Mobility Expenses	<p>In the event of the Person Covered suffers permanent disablement due to an accident, the Company will reimburse the person covered for the cost of purchasing any of the following medical equipment up to the amount above provided that such medical equipment is necessary to assist in the mobility of the Person Covered and are recommended by the attending physician / surgeon:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ A wheelchair and / or ; ▪ A motor vehicle with controls suitably adjusted and / or ; ▪ A lift, necessary ramps, railings and hold to usual place of residence.

Note: Please refer to the Scale of Compensation for Death and Permanent Disablement in the Takaful Certificate. Duration of cover is for five (5) years. For Non-Muslim, the benefit of Badal Hajj will pay as an extra benefit to Funeral Expense.

4) How much Takaful Contribution do I have to pay?

The total Takaful Contribution are as per below:

	RM
Takaful Contribution	500.00
Service Tax	30.00
Total Takaful Contribution	530.00

Note: The coverage is only effective outside of working hours for uniformed personnel (Police, Army, Fire Brigade, etc.) and personnel of a Class 4 occupation who operates on manual work involving the use of heavy machinery and equipment.

5) What are the fees and charges that I have to pay?

The following charges are applicable:

What you have to pay in addition to the Takaful Contribution amount :-

- Applicable taxes are chargeable at the prevailing rates.
- Stamp duty : RM10.00 (borne by owner or Master Takaful Certificate)

What is included in the Takaful Contribution amount :-

- Wakalah Fees -
 - ✓ Commissions : up to 25% of Takaful Contribution
 - ✓ Management Expenses : up to 35% of Takaful Contribution

What you have to pay if you cancel the Takaful Certificate :-

- Cancellation Fee : RM10.00

6) What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?

Age Limit

- 18 to 65 years old

Importance of Disclosure

- Pursuant to paragraph 5 of Schedule 9 of the Islamic Financial Services Act 2013, if you are applying for this Takaful wholly for purposes unrelated to your trade, business or profession, you have a duty to take reasonable care not to make any misrepresentation in answering the questions in the proposal form (or when you apply for this Takaful). You must answer the questions fully and accurately. Failure to have taken reasonable care in answering the questions may result in avoidance of your contract of Takaful, refusal or reduction of your claim(s), change of the terms or termination of your contract of Takaful.
- The above duty of disclosure shall continue until the time your contract of takaful is entered into, varied or renewed with us.

Compensation/ Indemnity

- We will pay for compensation on death or permanent disablement in accordance with the “Scale of Compensation” attached to the Takaful Certificate. However for claim such as medical expenses, you are compensated on reimbursement basis on the actual amount incurred subject to the limit specified in the Takaful Certificate. You cannot make multiple claims on medical expenses.

Takaful Contribution Warranty

- It is fundamental and an absolute special condition of this Takaful Certificate that the Takaful Contribution due must be paid and received by the Takaful Operator within sixty (60) days from the inception date of this Takaful Certificate / Endorsement / Renewal.
- Where the Takaful Contribution payable pursuant to this warranty is received by an authorized representative of the Company, the payment shall be deemed to be received by the Company for the purposes of this warranty and the onus of proving that the Takaful Contribution payable was received by a person, including a Takaful representative, who was not authorized to receive such contribution shall lie on the Company.
- Subject otherwise to the terms and conditions of this Takaful Certificate.

Surplus

- The Surplus arising from this portfolio will be fully retained in the Risk Fund. There will be no surplus distribution for this portfolio.

7) What are the major exclusions under the Takaful Certificate?

This Takaful Certificate does not cover death or injury due to:

- While Person Covered committing or attempting to commit any unlawful act;
- War, invasion, act of foreign enemy, hostilities (whether war be declared or not) civil war, rebellion, revolution, insurrection, mutiny or usurped power, strike, riot, civil commotion, military or popular uprising where the Person Covered directly or indirectly participates or is involved howsoever in such activities;
- Any act of terrorism;
- Insanity, suicide (whether sane or insane) or any attempt thereof by the Person Covered;
- Pre-existing physical or mental defect or infirmity to the Person Covered;
- Bacterial or viral infections, any disease or sickness, medical or surgical treatment (except such as may be necessitated solely by injuries covered by this Takaful Certificate and performed within the time provided in the Takaful Certificate) to the Person Covered;
- Pregnancy, childbirth, caesarean operation, abortion, miscarriage or any complications thereof to the Person Covered; except miscarriage due to bodily injury as a direct result of an accident;
- Provoked murder or assault by the Person Covered which caused his/ her death; or

- i) Any breach of Civil or Shariah Law and principles by the Person Covered;
- j) Pre-existing permanent disablement or bodily injury to the Person Covered;
- k) From misuse or abuse of substance, alcohol and/or drugs by the Person Covered; unless the drug is taken in accordance with an authorized medical prescription;
- l) The committing of any criminal acts or any other causes prohibited by Shariah Law and principles.

Note: This list is non-exhaustive. Please refer to the Takaful Certificate for the full list of exclusions under this Takaful Certificate.

8) Can I cancel my Takaful Certificate?

You may cancel your Takaful Certificate by giving written notice to us. Upon cancellation, you are entitled to a refund of the pro-rata Takaful Contribution for the unexpired period of cover. No refund of Takaful Contribution is allowed if there is a claim under the Takaful Certificate.

9) What do I need to do if there are changes to my contact details?

It is important that you inform us of any changes in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.

10) Where can I get further information?

Should you require additional information about Personal Accident Takaful, please refer to the *insuranceinfo* booklet on 'Personal Accident Takaful'. You can obtain a copy from your Takaful intermediary or visit www.insuranceinfo.com.my

Should you require additional information about **IKHLAS Group Personal Accident Takaful (Long Term)**, please contact us at:

Takaful Ikhlas General Berhad

Customer Relationship Management Department,
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South,
No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-2723 9696

Fax: 03-2723 9998

Website : www.takaful-ikhlas.com.my

E-mail : ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my

11) Other types of Personal Accident takaful cover available

IKHLAS Group Personal Accident Takaful

IMPORTANT NOTE:

YOU ARE ADVISED TO NOTE THE SCALE OF COMPENSATION FOR DEATH AND PERMANENT DISABLEMENT IN YOUR TAKAFUL CERTIFICATE. YOU MUST NOMINATE A NOMINEE AND ENSURE THAT YOUR NOMINEE IS AWARE OF THE PERSONAL ACCIDENT TAKAFUL CERTIFICATE THAT YOU HAVE PARTICIPATED IN. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE TAKAFUL CERTIFICATE AND DISCUSS WITH YOUR REPRESENTATIVE OR CONTACT TAKAFUL OPERATOR DIRECTLY FOR MORE INFORMATION.

The information provided in this Product Disclosure Sheet is valid as at xx/xx/2022

HELAIAN KETERANGAN PRODUK

TAKAFUL IKHLAS GENERAL BERHAD

(Sila baca Helaiian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan memilih **IKHLAS Group Personal Accident Takaful (Long Term)**. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Tarikh:

1) Produk apakah ini?

Sijil Takaful ini menyediakan pampasan sekiranya berlakunya kecederaan, hilang keupayaan kekal atau kematian yang disebabkan semata-mata oleh keganasan, keadaan tidak sengaja dan faktor luaran yang ketara. Musibah ini mestilah disebabkan oleh KEMALANGAN, tertakluk kepada pengecualian yang dinyatakan.

Tempoh perlindungan adalah untuk lima (5) tahun.

2) Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

Tabarru'	bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan Peserta-peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu semua Peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks pihak Syarikat, Tabarru' akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko peserta.
Wakalah	merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (<i>muwakkil</i>) membenarkan pihak lain sebagai ejen (<i>wakil</i>) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, kami dilantik sebagai ejen (<i>wakil</i>) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful, dan Yuran Wakalah (<i>Ujrah</i>) akan dibayar kepada pihak Syarikat.

Nota: "pihak Syarikat" merujuk kepada Takaful Ikhlas General Berhad. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk maklumat lanjut.

3) Apakah perlindungan-perindungan / manfaat-manfaat Takaful yang ditawarkan?

Manfaat Takaful	Amaun Perlindungan (RM)
Kematian akibat kemalangan	50,000
Hilang keupayaan kekal akibat kemalangan	Sehingga 50,000
Perbelanjaan pengebumian	1,000
Perbelanjaan rawatan (had tahunan)	2,000
Fi ambulans (had tahunan)	1,000
Elaun kesulitan akibat ragut (had tahunan)	1,000
Badal Haji	5,000
Perbelanjaan mobiliti (had tahunan)	1,000

Berikut adalah keterangan manfaat yang ditawarkan:

Manfaat – manfaat	Keterangan
Kematian akibat kemalangan	Kematian Orang yang Dilindungi yang semata-mata dan secara langsung disebabkan oleh Kemalangan yang mengakibatkan kecederaan luar yang parah dan nyata (termasuk akibat secara langsung daripada pendedahan kepada elemen tersebut) dan tidak termasuk penyakit, parasit, jangkitan virus atau bakteria atau sebarang keadaan semula jadi atau proses degeneratif; dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar kejadian tersebut.
Hilang keupayaan kekal akibat kemalangan	Hilang keupayaan kekal Orang yang Dilindungi yang semata-mata dan secara langsung disebabkan oleh Kemalangan yang mengakibatkan kecederaan luar yang parah dan nyata (termasuk akibat secara langsung daripada pendedahan kepada elemen tersebut) dan tidak termasuk penyakit, parasit, jangkitan virus atau bakteria atau sebarang keadaan semula jadi atau proses degeneratif; dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar kejadian tersebut.
Perbelanjaan pengebumian	Jumlah sekali gus akan dibayar untuk perbelanjaan pengebumian apabila berlakunya kematian akibat Kemalangan ke atas Orang yang Dilindungi.

Perbelanjaan perubatan	Pembayaran balik kos sebenar perbelanjaan perubatan yang ditanggung untuk rawatan Kecederaan Tubuh Badan akibat Kemalangan sehingga jumlah seperti yang tertera di atas (maksimum dan jumlah keseluruhan).
Fi ambulans	Pembayaran semula kos sebenar fi perkhidmatan ambulan adalah sehingga jumlah seperti yang tertera di atas, akan dibayar sekira berlakunya Kemalangan.
Elaun kesulitan akibat ragut	Ragut bermaksud kehilangan dompet, atau beg lain berserta dengan kandungan di dalamnya milik Orang yang Dilindungi, atau kehilangan apa-apa barang berharga yang dipakai oleh Orang yang Dilindungi, pada masa material, akibat diragut oleh orang yang tidak dikenali termasuk percubaan ke arah tersebut. Sekiranya berlaku kejadian ragut, jumlah sekali gus seperti yang tertera di atas akan dibayar kepada Orang yang Dilindungi, dengan syarat laporan polis diserahkan kepada pihak Syarikat.
Badal Haji	Sekiranya berlaku kematian ke atas Orang yang Dilindungi disebabkan oleh kemalangan, penama digalakkan untuk menggunakan manfaat ini bagi menguruskan Badal Haji bagi pihak Orang yang Dilindungi. Bagi bukan Islam, manfaat ini akan dibayar sebagai tambahan untuk perbelanjaan pengebumian sedia ada.
Perbelanjaan mobiliti	Sekiranya Orang yang Dilindungi mengalami hilang keupayaan kekal akibat kemalangan, pihak Syarikat akan membayar balik untuk kos pembelian mana – mana peralatan perubatan berikut dengan syarat peralatan perubatan tersebut diperlukan untuk membantu pergerakan Orang yang Dilindungi dan disyorkan oleh doktor / pakar bedah yang merawat. <ul style="list-style-type: none"> ▪ Kerusi roda dan / atau ; ▪ Kenderaan bermotor dengan kawalan yang dilaraskan dan / atau ; ▪ Lif, tanjakan yang diperlukan, pagar dan pegangan ke tempat kebiasaan kediaman.

Nota: Sila rujuk kepada Skala Pampasan bagi Kematian dan Hilang Keupayaan Kekal di dalam Sijil Takaful. Tempoh perlindungan adalah untuk lima (5) tahun. Bagi bukan Islam, manfaat Badal Haji akan dibayar sebagai tambahan kepada manfaat Perbelanjaan Pengebumian sedia ada.

4) Berapakah jumlah Sumbangan Takaful yang perlu dibayar?

Jumlah Sumbangan Takaful adalah seperti yang tertera di bawah:

	RM
Sumbangan Takaful	500.00
Cukai Perkhidmatan	30.00
Jumlah Sumbangan Takaful	530.00

Nota: Perlindungan hanya berkuat kuasa di luar waktu bertugas bagi kakitangan beruniform (Polis, Tentera, Bomba, dsb) dan kakitangan Kelas 4 iaitu mereka yang bekerja sebagai pekerja manual melibatkan penggunaan peralatan jentera berat dan mesin.

5) Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu dibayar

Caj-caj yang dikenakan adalah seperti berikut:

Bayaran yang perlu dijelaskan disamping jumlah Sumbangan Takaful:

- Cukai yang digunapakai tertakluk pada kadar semasa yang dikenakan.
- Duti setem : RM10.00 (dibayar oleh pemilik Sijil Takaful Induk)

Bayaran lain yang termasuk dalam jumlah Sumbangan Takaful :

- Yuran Wakalah -
 - ✓ Komisen : sehingga 25% daripada Sumbangan Takaful
 - ✓ Perbelanjaan pengurusan : sehingga 35% daripada Sumbangan Takaful

Bayaran yang perlu dijelaskan jika anda membatalkan Sijil Takaful ini:-

- Yuran Pembatalan : RM10.00

6) Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu diketahui?

Had umur

- 18 sehingga 65 tahun

Kepentingan Pendedahan

- Menurut perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah penjagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan dalam borang cadangan (atau apabila anda memohon untuk Takaful ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil penjagaan munasabah dalam menjawab soalan-soalan mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful anda.
- Kewajipan pendedahan di atas adalah berterusan sehingga kontrak Takaful anda dibuat, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Pampasan/ tanggungan

- Kami akan membayar pampasan di atas kematian atau hilang keupayaan kekal berdasarkan kepada "Skala Pampasan" yang disertakan di dalam Sijil Takaful. Walau bagaimanapun tuntutan untuk rawatan perubatan, pampasan anda adalah berdasarkan pengembalian jumlah perbelanjaan sebenar tertakluk kepada had yang dinyatakan di dalam Sijil Takaful. Anda tidak dibenarkan membuat tuntutan berganda bagi perbelanjaan perubatan yang sama

Waranti Sumbangan Takaful

- Ia adalah penting dan menjadi syarat khas Sijil Takaful ini bahawa Sumbangan Takaful yang perlu dibayar mestilah dibayar dan diterima oleh pengendali Takaful dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan Sijil Takaful ini atau endorsmen / pembaharuan Sijil Takaful.
- Bilamana Sumbangan Takaful yang dibayar lanjutan dari waranti ini, diterima oleh wakil Syarikat yang diberi kuasa, bayaran tersebut akan dikira telah diterima oleh pihak Syarikat. Tanggungjawab bagi membuktikan Sumbangan Takaful perlu dibayar telah diterima oleh seseorang, termasuk wakil Takaful yang tidak diberi kuasa untuk menerima Sumbangan Takaful, terletak pada pengendali Takaful.
- Waranti ini tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di dalam Sijil Takaful ini.

Lebihan

- Sebarang lebihan daripada portfolio ini akan dikekalkan sepenuhnya di dalam Dana Risiko. Tiada lebihan akan diagihkan daripada portfolio ini.

7) Apakah pengecualian-pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil Takaful ini?

Sijil Takaful ini tidak memperuntukkan perlindungan ke atas kematian atau kecederaan yang disebabkan oleh:

- a) Orang yang Dilindungi melakukan atau cuba melakukan apa-apa perbuatan yang menyalahi undang-undang;
- b) Peperangan, serangan, perbuatan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), peperangan sivil, pemberontakan, revolusi, pemberontakan atau rampasan kuasa, mogok, rusuhan, kekecohan awam, kebangkitan tentera atau kebangkitan popular di mana Orang Yang Dilindungi secara langsung atau tidak langsung mengambil bahagian atau terlibat walau apa jua dalam aktiviti-aktiviti tersebut;
- c) Penglibatan di dalam aktiviti keganasan;
- d) Gila, bunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman) atau apa-apa percubaan ke arah itu oleh Orang Yang Dilindungi;
- e) Kecacatan atau kelemahan fizikal atau mental sedia wujud pada Orang Yang Dilindungi;
- f) Jangkitan bakteria atau virus, apa-apa penyakit, rawatan perubatan atau pembedahan (kecuali sebagaimana yang perlu semata-mata akibat kecederaan yang dilindungi oleh Sijil Takaful ini dan dilaksanakan dalam masa yang tertera di dalam Sijil Takaful) kepada Orang Yang Dilindungi;
- g) Bersalin, keguguran, kehamilan atau apa-apa komplikasi yang berkaitannya kepada Orang Yang Dilindungi kecuali keguguran disebabkan kecederaan tubuh badan akibat kemalangan;
- h) Perbuatan asakan atau serangan yang dimulakan oleh Orang Yang Dilindungi yang menyebabkan dirinya terbunuh;

- i) Sebarang perlakuan yang melanggar Undang-undang Sivill atau Syariah dan prinsip-prinsipnya oleh Orang Yang Dilindungi;
- j) Hilang keupayaan kekal yang sedia ada atau kecederaan tubuh badan pada Orang Yang Dilindungi;
- k) Penyalahgunaan bahan, alkohol dan/ atau dadah oleh Orang Yang Dilindungi melainkan dadah tersebut diambil mengikut preskripsi perubatan yang dibenarkan;
- l) Sebab-sebab lain yang dilarang oleh Undang-undang dan prinsip-prinsip Shariah.

Nota: Senarai ini bukan senarai yang lengkap. Sila rujuk Sijil Takaful untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah Sijil Takaful ini.

8) Bolehkah saya membatalkan Sijil Takaful ini?

Anda boleh membatalkan Sijil Takaful ini dengan menyerahkan notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pulangan Sumbangan Takaful untuk kadar pro rata bagi tempoh Sijil Takaful yang belum luput. Tiada pulangan Sumbangan Takaful dibenarkan jika ada sebarang tuntutan di bawah Sijil Takaful ini.

9) Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

10) Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai Takaful Kemalangan Diri, sila rujuk kepada buku panduan *infoinsurans* mengenai "Takaful Kemalangan Diri". Anda boleh dapatkan satu salinan daripada pengantara Takaful anda atau layari laman sesawang www.insuranceinfo.com.my

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai **IKHLAS Group Personal Accident Takaful (Long Term)**, sila hubungi kami di:

Takaful Ikhlas General Berhad

Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan,
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South,
No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-2723 9696

Faks: 03-2723 9998

Laman sesawang : www.takaful-ikhlas.com.my

Emel: ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my

11) Jenis perlindungan Kemalangan Diri Takaful lain yang disediakan

IKHLAS Group Personal Accident Takaful

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENGAMBIL PERHATIAN MENGENAI SKALA PAMPASAN UNTUK KEMATIAN DAN HILANG KEUPAYAAN KEKAL DALAM SIJIL TAKAFUL ANDA. ANDA MESTI MENCALONKAN PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU TENTANG SIJIL TAKAFUL KEMALANGAN DIRI YANG ANDA TELAH SERTAI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL ANDA ATAU HUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Informasi yang disediakan dalam Helaian Keterangan Produk ini adalah sah pada xx/xx/2022